

**NO. SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG**

**TARIKH : 3 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9696**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti keganasan di luar negara dan mengapa kewarganegaraan mereka tidak dibatalkan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Seramai 95 orang warganegara Malaysia telah dikesan dan dikenal pasti terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Syria dan Iraq dari 2013 hingga 8 Mac 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah kembali dan ditangkap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), 30 orang telah mati manakala baki seramai 57 orang lagi masih berada di kawasan bergolak.**

**Manakala status kewarganegaraan adalah tertakluk kepada Perkara 24, 25 dan 26, Perlembagaan Persekutuan telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh mengambil tindakan pelucutan warganegara ke atas seseorang warganegara Malaysia. Dalam hal ini, antara sebab-sebab yang membolehkan tindakan pelucutan diambil adalah seperti berikut:**

- i. seseorang individu itu telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan melalui pendaftaran, penaturalisasian atau perbuatan sukarela dan formal yang lain;**
- ii. seseorang individu itu telah menuntut dan menggunakan dengan sukarela di mana-mana negara di luar Persekutuan apa-apa hak yang terdapat untuknya di bawah undang-undang negara itu iaitu**

**hak-hak yang diberikan secara khusus kepada warganegara itu. Contohnya penggunaan hak undi dalam mana-mana pemilihan politik di sesuatu tempat di luar Persekutuan, memohon kepada pihak berkuasa sesuatu tempat di luar Persekutuan supaya pasport dikeluarkan atau dibaharui dan menggunakan pasport yang dikeluarkan itu sebagai dokumen perjalanan;**

- iii. sekiranya seorang wanita yang pernah mendapatkan kewarganegaraan Malaysia kerana berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia yang kemudiannya telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan oleh sebab perkahwinan barunya dengan seseorang yang bukan warganegara; atau**
- iv. sekiranya warganegara Malaysia yang menjadi warganegara di bawah Perkara 16A atau Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian didapati telah menunjukkan dirinya melalui perbuatan atau percakapan sebagai tidak taat atau tidak setia kepada Persekutuan dan telah memperoleh kewarganegaraan secara fraud, nyataan palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material.**